

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	BEBAN BILIK KULIAH PUNCA PLAGIAT?	12 SEPTEMBER 2022	BERITA HARIAN
2	RUMAH RAKIT TARIK PELANCONG LUAR	13 SEPTEMBER 2022	SINAR HARIAN
3	KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN SUNGAI CETUS TANDA TANYA	14 SEPTEMBER 2022	SINAR HARIAN
4	PENDUDUK, PELANCONG HARAP TAMAN TEMA DIBUKA SEMULA	15 SEPTEMBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
5	INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA DALAM 'SUASANA' PEMULIHAN	20 SEPTEMBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
6	MAKANAN HOTEL MURAH DI HATYAI	21 SEPTEMBER 2022	KOSMO
7	107 STESEN HIDROLOGI KESAN AWAL BANJIR DI NEGERI SEMBILAN	22 SEPTEMBER 2022	UTUSAN MALAYSIA
8	SEORANG PENDUDUK DUNIA MAUT SETIAP 4 SAAT AKIBAT KEBULURAN	22 SEPTEMBER 2022	UTUSAN MALAYSIA

12 SEPT 2022

BH PENDIDIKAN | BEBAN BILIK KULIAH PUNCA PLAGIAT? |

## Pendidikan

Isnin,  
12 September 2022  
bhpendidikan@bh.com.my

→ Ikuti lebih berita di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

### Beban bilik kuliah punca plagiat?

Fokus

Salin, tampal bukan isu baharu, tetapi semakin banyak berlaku

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhpendidikan@bh.com.my

Plagiarisme selalu terjadi dan diperkatakan, tetapi dalam kalangan pelajar universiti, plagiat boleh menyebabkan seseorang digagalkan atau digantung pengajian berdasarkan tahap keseriusannya.

Ada kala plagiat bukanlah bermaksud seluruh tulisan sama ada tugas atau tesis itu dicipilak. Sebaliknya ia mungkin sepele-renggan dua sahaja.

Hari ini sesuai dengan perkembangan teknologi semasa plagiat lebih mudah dibuat, hanya salin dan tampal. Malah sebenarnya dalam sesetengah kes ia bukan sahaja dilakukan oleh pelajar tetapi turut dikesan dalam kalangan pensyarah.

Plagiarisme sebenarnya jenayah akademik yang disifatkan umpama merompak di siang hari oleh Ketua Program Pengurusan dengan Pelancongan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Khairunneezam Mohd Noor.

Khairunneezam berkata, plagiarisme berlaku apabila seseorang menghasilkan semula atau mencipilak hasil ilmiah milik orang lain sama ada dalam bentuk perkataan atau inovasi tertentu. Hasil ciplakan itu pula dipersembahkan sebagai hasil ilmiah dirinya tanpa memberi pengiktirafan atau rujukan se-

patutnya kepada pemilik asal?

"Terdapat tiga bentuk plagiarisme yang biasa diamalkan. Pertama, peniruan secara langsung perkataan, perenggan atau bahan yang diambil daripada terbitan orang lain tanpa usaha sewajarnya dalam mengiktiraf sumber asal bahan ilmiah tersebut.

"Kedua, pengubahsuaian perkataan orang lain tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Ketiga, menggunakan idea yang secara langsung diambil daripada individu lain tanpa memberikan pengiktirafan kepadanya," katanya.

**Tindakan undang-undang**

Khairunneezam berkata, perkembangan teknologi semasa membolehkan pelajar menyiapkan tugas dengan kaedah salin tampal.

Tegasnya, plagiat pasti saja memberi impak negatif terhadap pembentukan siswazah berkualiti. Justeru bagi kebanyakan universiti awam dan swasta termasuk USIM sudah diwujudkan undang-undang berkenaan plagiarisme selain maklumat mengenai kesalahan serta kesan negatifnya.

Katanya, apabila sesuatu tindakan plagiarisme dilaporkan, disiasat dan kemudian disabitkan kesalahannya, tindakan serta merta akan diambil.

"Umumnya pelajar akan dita-

ngani secara diplomasi misalnya diberikan amaran dan diberi peluang memperbaiki kesalahan jika kes mereka tidaklah serius.

"Namun jika sebaliknya, tindakan boleh diambil di bawah Kaedah 6, Kaedah-kaedah Universiti (Tatertib Pelajar Tahun 1999) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan Akta Badan-badan Berkanun (Tatertib dan Surca) 2000 (Akta 605)," katanya.

Tegasnya, terdapat panduan yang betul dalam memetik pandangan orang lain untuk dimasukkan dalam tulisan. Ia umumnya boleh diperoleh dalam buku panduan akademik berserta dengan kaedah penulisan sumber rujukan atau bibliografi yang tepat.

Khairunneezam berkata, hanya dengan cara memberi pengiktirafan terhadap pemilik karya asal, barulah cedukan idea dan frasa tertentu yang dipetik dianggap 'halal' dalam konteks penulisan akademik?

"Ketika ini juga sudah ada banyak perisian komputer malah aplikasi dalam talian yang boleh mengesan plagiat. Ia digunakan secara meluas dan cukup komprehensif serta berkesan untuk menemukan sebarang unsur plagiarisme," katanya.

Dari segi yang lain Khairunneezam berkata, pensyarah juga perlu tegas mengambil tindakan terhadap pelajar yang masih te-

gar membuat tugas akademik secara plagiat.

Selain itu bagi pelajar, perlulah lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan sebarang penulisan akademik atau tesis.

Pelajar katanya, perlu menyedari penulisan akademik adalah satu usaha universiti untuk mengasah dan menyerlahkan tahap kebolehan akademik mereka sendiri.

"Jadikanlah penulisan akademik sebagai sumber terbaik untuk menyerlahkan daya pemikiran dan keintelektualan.

"Apalah ertinya kepuasan dalam usaha penulisan akademik andai seseorang pelajar itu mendapat keputusan cemerlang dalam penulisan tugas atau tesis, tetapi ia bukan secara mutlaknya hasil karya asli," katanya.

**Didorong sindrom salin tampal**

Sementara itu, Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (UM), Dr Nahrizul Adib Kadri, berkata bebanan tugas yang perlu diselesaikan mahasiswa juga ada kala menyumbang kepada aktiviti plagiat antara sadar atau tidak.

Mengambil contoh bentuk penulisan kertas kerja, untuk satu

mata pelajaran sekurang-kurangnya dua tugas perlu untuk disiapkan, bayangkan jika pelajar mengambil lima subjek pada setiap semester, mereka perlu menyiapkan sebanyak 10 penulisan esei.

"Cabaran yang lebih getir adalah apabila perlu menyiapkan penulisan esei dalam bahasa Inggeris. Lambakan bahan bacaan di internet juga saya kira menyumbang kepada permasalahan ini.

"Betul, niat tidak menghalalkan cara. Namun, kita tidak boleh mendakikan keberadaan bahan bacaan atau penulisan yang begitu mudah disalin di internet itu juga faktor meningkatnya fenomena plagiarisme atau sindrom salin tampal ini," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat UM itu berkata, amat merugikan jika mahasiswa melakukannya kerana ingin mencari jalan pintas bagi menyiapkan tugas.

"Pembuatan itu hanya melatih kognitif otak yang segalanya di dunia mempunyai jalan pintas. Lebih buruk apabila seseorang itu merasakan 'usaha' mengambil hak orang lain itu juga adalah miliknya dan tidak perlu bersedar bersalah," katanya.

13 SEPTEMBER 2022

SH | RUMAH RAKIT TARIK PELANCONG LUAR | MS 27

SINAR HARIAN • SELASA 13 SEPTEMBER 2022

TERENGGANU • PERAK

NEGERI 27

## Rumah rakit tarik pelancong luar

Sesuai  
dikedepankan  
sebagai lokasi  
ekopelancongan  
baharu  
di Sungai Perak

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
TELUK INTAN

Potensi Sungai Perak sebagai lokasi ekopelancongan seharusnya dimanfaatkan secara maksimum bagi menggalakkan ekonomi masyarakat.

Antara peluang yang dilihat berpotensi untuk dikembangkan ialah rumah rakit memandangkan ia masih belum diteroka sepenuhnya sepanjang tebing Sungai Perak.

Seorang pengusaha rumah rakit, Norsilawati Kamaruzzaman, 49, berkata, rumah rakit dilihat sesuai untuk dikedepankan sebagai tarikan baharu bagi Sungai Perak yang panjang dan luas.

Menurutnya, kewujudan rumah rakit membolehkan orang ramai merasai pengalaman memancing udang galah yang begitu banyak di Sungai Perak.

"Saya lihat potensi rumah rakit ini cukup besar untuk ekopelancongan di Sungai Perak ini. Sejak dibuka pada Mac lalu,

rumah rakit yang saya usahakan ini mendapat sambutan luar biasa bukan sahaja daripada pelancong dari negeri Perak tetapi juga pelancong luar.

"Malah, saya turut berkongsi pengalaman dan usaha bersama-sama penduduk setempat untuk membina rumah rakit mereka sendiri, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi," katanya ketika ditemui di RIN Rakit Water Hut miliknya di Kampung Batak Rabit di sini pada Isnin.

Jelasnya, kewujudan rumah rakit di pesisir Sungai Perak itu juga tidak menjejaskan alam sekitar kerana pembinaannya dibuat secara lestari bagi memastikan ekosistem di sungai berkenaan tidak terganggu.

Menurut Norsilawati, dengan adanya rumah rakit itu juga, kaki pancing boleh membawa keluarga bersama-sama menikmati keindahan alam semula jadi di Sungai Perak.

Sementara itu, seorang operator pelancongan, Muhammad Sahril Mustafa, 34, turut mengakui Sungai Perak sangat berpotensi untuk dijadikan kawasan ekopelancongan di negeri ini.

Mengusahakan perkhidmatan bot pelancongan menyusuri Sungai Perak, Muhammad Sahril menjelaskan, alam semula jadi di kawasan hilir sungai tersebut mempunyai pelba-



Rumah rakit yang diusahakan Norsilawati di Sungai Perak berhampiran Kampung Batak Rabit, Teluk Intan.



MUHAMMAD SAHRIL

gai khazanah yang boleh dimanfaatkan.

Ujarnya, antara khazanah tersebut ialah Pulau Bangau, kelip-kelip dan hasil akuatik Sungai Perak seperti ikan air tawar serta udang galah.

"Saya mengusahakan *river cruise* ini bermula tahun 2018 dan merupakan

satu-satunya operator bumiputera di sini. Memang permintaan pelancong untuk aktiviti ekopelancongan sangat tinggi terutama waktu cuti.

"Jadi memang benar, potensi Sungai Perak amat besar dan



Norsilawati melihat rumah rakit berpotensi untuk dijadikan daya tarikan baharu di Sungai Perak.

perlu dimanfaatkan penduduk setempat," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Sahril berkata, perkara paling penting yang perlu diberikan per-

hatian adalah aspek kebersihan dan pemeliharaan Sungai Perak untuk memastikan tiada pencemaran berlaku bagi mengekalkan habitat sedia ada.

## Keberkesanan program pemulihan sungai cetus tanda tanya

Beberapa projek pemulihan sungai tidak capai standard diharapkan

SHAH ALAM

Pemulihan sungai sudah dilaksanakan seperti di Sungai Gombak, Sungai Melaka dan Sungai Segget namun keberkesannya sehingga kini masih lagi dipersoalkan.

Pakar kualiti air, Dr Maketab Mohamed berkata, di Malaysia, pemulihan sungai sudah berlaku di beberapa tempat namun kurang berjaya kerana teknik yang salah.

"Pemuliharaan sungai sudah banyak dilakukan di luar negara dan berjaya seperti di Singapura iaitu Singapore River yang memakan masa selama 10 tahun.

"Pemulihan sungai yang pa-

ling besar di Malaysia ialah River of Life untuk Sungai Gombak di Kuala Lumpur yang menelan kos sehingga RM4 bilion namun belum mencapai tahap keadaan sungai dengan air yang jernih dan selamat bagi aktiviti riadah iaitu Kelas Dua B.

"Sungai Segget di Johor juga telah beberapa kali melalui status pemulihan tetapi airnya masih tercemar dan hanya tebing sungai saja yang kelihatan cantik. Sungai Melaka juga kurang berjaya yang mana tahap bakteria dan ammonia nitrogen masih tinggi," katanya kepada *Sinar Premium*.

Beliau yang merupakan bekas profesor Kualiti Air dan Permodelan Kualiti Air, Universiti Teknologi Malaysia berkata, yang paling penting pada permulaan projek untuk pemulihan sungai ialah inventori beban pencemaran.

"Beban pencemaran perlu dihentikan atau dikurangkan untuk memastikan air sungai sama tahap dengan sasaran



Pencemaran sungai yang berada pada Kelas Lima seperti Sungai Rambai tidak sesuai untuk sebarang aktiviti.

kelas kualiti air. Air sisa yang tidak boleh dihentikan dari masuk ke sungai perlu melalui sistem pengolakan.

"Kebanyakan projek kurang berjaya di Malaysia adalah sama ada disebabkan inventori kurang tepat iaitu beban lebih tinggi dari anggaran atau beban pencemaran tidak ditangkap dengan betul untuk diolah dengan cara terbaik," katanya.

Maketab berkata, punca-punca pencemaran yang berlaku di sungai berkemungkinan dari pada perladangan, industri dan sisa-sisa domestik seperti kumbahan.

"Punca-punca pencemaran adalah pelbagai jenis mengikut lembangan sungai dan aktiviti-aktiviti guna tanah dalam tadahannya. Pencemaran boleh berlaku dalam bentuk jangka

pendek dan jangka panjang.

"Namun, kedua-duanya akan memberi mudarat kepada hidupan air seperti ikan, udang dan kerang. Impak pencemaran juga adalah kepada pengguna air lain-lain termasuk untuk perikanan, rekreasi, air minuman domestik serta untuk pengairan," katanya.

Selain itu, Maketab berpandangan bahawa kerjasama kerajaan pusat melalui Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan badan kawal selia air bagi kerajaan-kerajaan negeri adalah penting untuk menentukan punca pencemaran dipantau secara berterusan.

"Walaupun sampah mencemarkan sungai, ia tidak termasuk dalam pencemaran kualiti air kerana yang dikira dalam indeks kualiti air adalah dalam bentuk terlarut atau terampai dan bukan terapung.

"Namun, banjir dengan hakisan tanah yang tinggi menyebabkan pencemaran air dalam beberapa parameter utama iaitu Jumlah Pepejal Terampai dan Kekeruhan. Selalunya air banjir rendah dari segi pencemaran dalam bentuk organik seperti Nitrogen Ammonia," katanya.

15 SEPTEMBER 2022

UTUSAN | PENDUDUK, PELANCONG HARAP TAMAN TEMA DIBUKA SEMULA | MS 32

32 UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 15 SEPTEMBER 2022

## Dalam Negeri

# Penduduk, pelancong harap taman tema dibuka semula

Oleh NOR AINNA HAMZAH  
utusannews@mediamula.com.my

**REMAU:** Taman tema air, Wet World Air Panas Resort di Pedas di sini merupakan antara lokasi popular dalam kalangan penduduk Negeri Sembilan terutama pada cuti hujung minggu dan cuti persekolahan.

Bagaimanapun, taman tema yang terkenal kerana mempunyai kolam air panas semula jadi itu kini terbiar dan suram gara-gara Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ekoran pandemik Covid-19.

Salah seorang penduduk yang tinggal berhampiran memberitahu, Wet World Air Panas Resort menerima tempas daripada pelaksanaan PKP dan sehingga kini, walaupun negara dalam prosés peralihan endemik, ia masih belum dibuka.

Jelasnya, lebih menyedihkan, kawasan itu yang dahulunya meriah dan dipenuhi pengunjung, namun, kini, terbiar dan penuh pula dengan semak samun.

“Dahulu, taman tema ini menawarkan lebih 30 peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar. Namun, kini tidak lagi.

“Oleh itu, besar harapan penduduk agar tempat ini dapat dihidupkan semula dan semua pihak dapat manfaat termasuk penduduk kampung yang mene-



**KEADAAN** hadapan pintu masuk Wet World Air Panas Resort di Pedas, Rembau yang bertutup dan terbiar sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ekoran pandemik Covid-19 yang lalu. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

rima limpahan ekonominya sebelum ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau (MDR) merangkap Pegawai Daerah Rembau, Mohamad Najib Mustafa ketika dihubungi memberitahu, kerajaan Negeri Sembilan kini sedang berbincang dengan pengusaha taman tema untuk mencari

jalan penyelesaian terbaik buat kedua-dua pihak.

Menurutnya, perbincangan tersebut sudah dilaksanakan sejak lebih dua bulan lalu dan menunggu untuk satu keputusan serta persefahaman yang akan diumumkan secara rasmi.

“Tempat ini merupakan antara tarikan utama di daerah Rembau sebelum ini dan sudah tentu kami

akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi menghidupkannya semula melalui perbincangan dengan pengusaha,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris berkata, kerajaan negeri perlu memainkan peranan iaitu berbincang dengan pihak pengusaha supaya dapat beroperasi semula.

20 SEPTEMBER 2022

UTUSAN | INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA DALAM 'SUASANA' PEMULIHAN | MS 30

30

UTUSAN MALAYSIA  
SELASA • 20 SEPTEMBER 2022

Dalam Negeri

## Industri pelancongan negara dalam 'suasana' pemulihan

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
ariman.asrol@wiediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sektor pelancongan negara ketika ini masih berada dalam 'perjalanan' untuk pulih dengan kemasukan pelancong luar berada sekitar 30 ke 40 peratus.

Peningkatan itu dilihat selepas negara melalui fasa peralihan endemik tahun ini.

Pelancong tersebut datang dari Singapura, Indonesia, Thailand, United Kingdom, Australia, Korea Selatan dan India.

Presiden Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Tan Kok Liang berkata, kemasukan pelancong luar banyak memberi sumbangan kepada negara ini menghidupkan industri pelancongan antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun kata beliau, masih terlalu awal mengatakan industri pelancongan kembali sihat selepas menerima tamparan kuat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak dua tahun lalu.

"Macam mana industri pelancongan boleh pulih kalau kemasukan pelancong luar adalah sekitar 30 ke 40 peratus? Industri kita masih berada dalam perjalanan untuk pulih.

"Saya harap dalam 2024 in-



PELANCONG asing, Nicola Brookes (kanan) dari England bersama rakannya, Rebecca DuFaulx dari Amerika Syarikat tertarik melihat wau tradisional Malaysia yang dijual di Pasar Seni, Kuala Lumpur. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

dustri pelancongan pulih, saya juga berharap dalam pembentangan Bajet 2023 ini kerajaan akan memberi lebih banyak insentif dan subsidi untuk menolong industri pulih," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Sebelum ini akhbar melaporkan, industri pelancongan di negara ini terpaksa menanggung kerugian lebih RM200 juta jika sempadan negara tidak dibuka pada April lalu.

Kok Liang berkata, bagi pen-

uduk tempatan pula, mereka gemar bercuti jangka pendek ke destinasi di Semenanjung.

Jelasnya, antara tempat menjadi tumpuan pelancongan domestik adalah Pulau Pinang, Genting Highland dan Melaka.



STESEN Kereta api Hatyai, Hatyai Junction di Thailand sesak dengan pelancong terutama dari Malaysia.



PELBAGAI makanan enak pada harga murah di Hatyai, Thailand.

Ramai pilih bercuti pada hujung minggu di Thailand berbanding dalam negara

## Makanan, hotel murah di Hatyai

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**PADANG BESAR** – Ramai rakyat negara ini memilih untuk melancong di Hatyai, Thailand pada hujung minggu dan cuti sekolah kerana di situ membeli-belah dan makanan enak dijual pada harga yang murah berbanding destinasi pelancongan popular dalam negara ini.

Malah, negara Gajah Putih itu juga dikatakan menawarkan bilik hotel tiga bintang pada harga murah meskipun terletak di tengah pusat bandar seperti di Hatyai.

Selain itu, kemudahan pengangkutan yang mudah dan murah serta jaringan jalan raya yang selesa menjadi antara faktor ra-

mai rakyat kita berpusu-pusu ke sana.

Tiket tren ulang-alik State Railway of Thailand (SRT) dari Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Padang Besar, Perlis ke Hatyai, Thailand hanya pada harga 50 baht atau kira-kira RM6 sehalu.

Seorang penduduk dari Kangar, Perlis, Muhammad Ekmal Hakim Abdullah, 29, berkata, dia memang gemar melancong ke Thailand kerana lebih jimat dan mudah.

"Saya biasa masuk Thailand dengan kereta atau motor bersama rakan. Memang seronok ke sana sebab lebih meriah dan banyak tempat pelancongan menarik, selain harga sangat murah.



KERATAN Kosmo! semalam.

"Nak makan lauk sedap tetapi dengan harga murah, memang Thailandlah tempatnya. Saya dan empat kawan hanya dikenakan harga kurang RM200 untuk hidangan yang bagi saya sudah tahap mewah," katanya.

Ujarnya, dia biasanya membayar penginapan hotel pada harga kira-kira RM100 semalam.

"Malah, bagi hotel lebih RM100 biasanya ada disediakan tab mandi beserta sarapan. Jika di Pulau Langkawi, sudah pasti harga bilik hotel standard itu lebih RM300," katanya.

Kosmo! pada Isnin lalu melaporkan keghairahan rakyat Malaysia memilih untuk bercuti di Thailand menjejaskan industri pelancongan negara termasuk di Langkawi apabila kedatangan pelancong ke pulau peranginan itu semakin menyusut.

Tinjauan di media sosial pula mendapati, orang ramai memilih Thailand sebagai destinasi

pelancongan disebabkan kos penginapan, pengangkutan dan makanan yang sangat murah di situ.

"Kenapa ramai bersesak ke Thailand? Pergi Hatyai je cukup, akan rasa macam tiap minggu nak pergi. Hotel murah, makan murah dan sedap. Industri pelancongan mereka memang betul-betul hidup," kata seorang pengguna Twitter, @myjoe.

"Berjalan dekat sana lebih seronok. Murah pun murah, contohnya RM15 masuk kedai serbaneka di Thailand boleh beli macam-macam. Di Malaysia, tak banyak boleh dibeli dengan RM15," kata seorang lagi pengguna dikenali sebagai Han.

22 SEPTEMBER 2022

UTUSAN | 107 STESEN HIDROLOGI KESAN AWAL BANJIR DI NEGERI SEMBILAN | MS 32

32

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 22 SEPTEMBER 2022

ANAM

## Dalam Negeri

# 107 stesen hidrologi kesan awal banjir di Negeri Sembilan

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
utusannews@mediamula.com.my

**SEREMBAN:** Sebanyak 107 stesen hidrologi, termasuk 41 buah stesen baharu akan dimiliki di Negeri Sembilan bagi membuat pengesanan awal kejadian banjir.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir. Saari Abdullah berkata, ia menerusi Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 2 yang dijangka siap sepenuhnya tahun depan melibatkan peruntukan kerajaan Persekutuan sebanyak RM7.2 juta.

"Negeri Sembilan memang terlibat dalam pembinaan stesen hidrologi baharu serta naik taraf stesen sedia ada di bawah pembangunan model ramalan banjir 'Lembangan Sungai Pahang semasa PRAB Fasa 1.

"Ini menjadikan negeri ini sudah dilengkapi 64 Stesen Hujan Telemetri, 16 Stesen Aras Air Telemetri dan 22 Stesen Siren.

"Bagaimanapun, dalam Fasa 2 PRAB ini, terdapat 41 stesen hidrologi baharu dibina yang dijangka berupaya memberi ramalan dan amaran banjir lebih awal," katanya.

Dalam pada itu menurut Saari, pihaknya mengenal pasti 81 lokasi di negeri ini yang kerap dilanda banjir termasuk beberapa taman perumahan di daerah ini seperti Taman Happy Garden



**NORMI Bedol** menunjukkan salah satu Siren Amaran Banjir yang dipasang di Kampung Ismail, Ampangan, Seremban.

di Rasah dan Kampung Ismail di Ampangan.

"Sehubungan itu, pihak JPS negeri sudah menyelenggara beberapa sungai dan kawasan yang terlibat termasuk kerja-kerja pendalaman sungai, pembersihan sungai dan tebing di beberapa kawasan yang terjejas. "Kami akan memastikan kesemua kerja penyelenggaraan

ini disiapkan sepenuhnya sebelum berakhir pada bulan Oktober ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Ismail, Normi Bedol berkata, selepas kejadian banjir yang kerap berlaku di kawasan tersebut, penduduk kampung kini semakin peka dengan bunyi Siren

Amaran Banjir yang disediakan oleh pihak JPS.

"Kini sudah ada dua buah Siren Amaran Banjir di kampung ini, dan memang ia benar-benar membantu penduduk kampung sebagai amaran awal. Ada beberapa kali siren ini menghadapi sedikit kerosakan, bagaimanapun pihak JPS pantas membaikkannya," katanya lagi.



UMUM

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 22 SEPTEMBER 2022

39

Luar Negara

345 juta orang di seluruh dunia alami kebuluran teruk

## Seorang penduduk dunia maut setiap 4 saat akibat kebuluran

**GENEVA:** Seorang penduduk dunia dianggarkan meninggal dunia dalam tempoh setiap empat saat, menurut lebih 200 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kelmarin, sekali gus menggesa komuniti antarabangsa mengambil langkah segera bagi menamatkan krisis kebuluran global.

Menerusi surat terbuka kepada semua pemimpin dunia yang menyertai Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), sebanyak 238 organisasi dari 75 negara, termasuk pertubuhan Oxfam, Save the Children dan Plan International menzahirkan kebimbangan berhubung tahap kebuluran global ketika ini.

"Setakat ini, kira-kira 345 juta orang di seluruh dunia berdepan kebuluran teruk, menyaksikan jumlah itu meningkat lebih dua kali ganda sejak 2019.

"Di sebalik jaminan serta janji dari para pemimpin dunia yang kononnya tidak akan membenarkan lagi kebuluran berterusan dalam abad 21, masalah itu sudah 'kekal' di Somalia.

"Di seluruh dunia, 50 juta penduduk berada di ambang kebuluran di 45 negara," menurut surat tersebut.

Menjangkakan 19,700 orang berdepan kematian akibat kebu-



**Di sebalik jaminan serta janji dari para pemimpin dunia yang kononnya tidak akan membenarkan lagi kebuluran berterusan dalam abad 21, masalah itu sudah 'kekal' di Somalia."**

luran setiap hari, kesemua NGO tersebut menyamakan keadaan itu sama dengan seorang penduduk akan mati setiap empat saat.

"Dengan semua kemudahan teknologi dalam sektor agrikultur dan teknik pertanian yang kita miliki hari ini, kita masih bercakap soal kebuluran pada abad ke-21.

"Ini bukan soal satu negara atau satu benua dan kebuluran tidak pernah mempunyai hanya satu sebab untuk berlaku. Ini



KRISIS kebuluran sudah menjadi masalah 'kekal' di Somalia. - AFP

adalah berkaitan ketidakadilan dalam hak asasi manusia," kata Mohanna Ahmed Ali Eljabaly dari Persatuan Penjagaan Keluarga Yaman, satu daripada NGO yang menandatangani surat berkenaan.

Jelas Mohanna, semua pihak tidak sepatutnya mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat' untuk meredakan masalah yang berlaku kerana terdapat nyawa yang bergelut untuk meneruskan kehidupan setiap hari.

Menurut semua NGO berkenaan, krisis kebuluran global disebabkan oleh kemiskinan, ketidakadilan sosial, ketidakamarataan jantina, konflik, perubahan iklim dan kejutan ekonomi. - AFP